



FAZAKKIR

e-Tazkirah | Bil. 33 | Jun 2024 - Zulhijjah 1445H

IKTIBAR NABI IBRAHIM


Amanah Dan Pengorbanan

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنِيْ اِنِّيْ اَرَى فِي الْمَنَامِ اَنِّيْ اَذْبَحُكَ
فَانْظُرْ مَاذَا تَرَى ۚ قَالَ يَتَابَتِ اَفْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِيْ اِنْ شَاءَ اللّٰهُ

"Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata : **"Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu ; maka fikirkanlah apa pendapatmu?"**. Anaknya menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Insya Allah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar".

[al-Saffat : 102]

Ibadah korban merupakan manifestasi keimanan dan ketaatan kepada Allah SWT. Nabi Ibrahim A.S diuji oleh Allah SWT. Allah SWT memerintahkan baginda mengorbankan anaknya iaitu Nabi Ismail A.S. Nabi Ismail A.S membuktikan keimanan kepada Allah SWT dengan meminta bapanya menyempurnakan perintah Allah SWT tersebut.



- Akhirnya mereka berdua menyempurnakan perintah Allah SWT. Namun begitu, Allah SWT maha adil kepada hambanya yang berbuat kebaikan. Allah SWT mengiktiraf kesanggupan Nabi Ibrahim A.S melaksanakan perintahNya dan Allah SWT menggantikan seekor kibas yang besar sebagai balasan ketaatan Nabi Ibrahim A.S.
- Amalan korban merupakan ibadah sunat kepada seluruh umat Islam. Kesungguhan umat Islam dalam melaksanakan ibadah korban walaupun mungkin berhadapan dengan halangan kewangan dan kemampuan merupakan satu sikap yang baik dalam usaha melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT.

Semoga ibadah kita semua diterima oleh Allah SWT.

Diterbitkan oleh Unit Hal Ehwal Islam, UITM Cawangan Selangor

